

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [ SIBU ]**

**TARIKH : 4 JULAI 2019**

**SOALAN : 74**

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ SibU ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai perinci jumlah pelajar dan perbelanjaan terlibat yang ditaja oleh JPA atau biasiswa Kerajaan lain untuk melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi di Negara China, Jepun, Korea, Perancis, UK, US, Australia dan sebagainya dari tahun 2000 hingga 2019.

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK  
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menyokong hasrat Kerajaan untuk memartabatkan Institusi Pengajian Tinggi Tempatan serta usaha menjadikan Malaysia sebagai Hab Pendidikan, penghantaran pelajar ke luar negara hanya terhad kepada universiti terkemuka serta bidang-bidang keperluan negara sahaja.

**SOALAN NO. 74**

Statistik penajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) adalah seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>
2013	<b>350</b>
2014	<b>350</b>
2015	<b>339</b>
2016	<b>220</b>
2017	<b>220</b>
2018	<b>220</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>1,699</b>

*Nota: Negara-negara pengajian yang masih di bawah penajaan semasa ialah Jepun, Korea, Perancis, Jerman, United Kingdom dan Amerika Syarikat.*

Kos perbelanjaan Kerajaan untuk seorang pelajar yang ditaja oleh JPA untuk setiap tahun adalah berbeza mengikut negara, bidang serta tempoh pengajian yang diikuti pelajar. Anggaran perbelanjaan seorang pelajar di luar negara adalah di antara RM300,000 sehingga RM1.2 juta bagi tempoh pengajian selama 4 hingga 6 tahun.

Sekian, terima kasih.